

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULA SEGARAN
A/L V. MURUGESON [IPOH BARAT]

TARIKH : 7 MAC 2017

SOALAN :

YB TUAN M. KULA SEGARAN A/L V. MURUGESON [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah polisi Kerajaan mengenai Common Bar Examination (CBE) untuk graduan-graduan perundangan yang Kerajaan sedang kaji sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu Jawatankuasa Khas untuk menyediakan rangka tindakan (*blueprint*) yang holistik bagi profesi undang-undang akan ditubuhkan dalam masa yang terdekat. Jawatankuasa Khas ini akan menyediakan rangka tindakan (*blueprint*) bagi profesi undang-undang di Malaysia secara holistik dan mengkaji cadangan-cadangan pindaan yang komprehensif kepada Akta 166 termasuk mengkaji cadangan mengenai *Common Bar Exam* untuk graduan-graduan perundangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain penyeragaman kriteria kemasukan, CBC/ CBE ini akan mempunyai ciri-ciri penambahbaikan bagi meningkatkan mutu graduan undang-undang. CBC/ CBE akan memberi fokus pada kemahiran, latihan praktikal dan vokasional. Ia juga akan meningkatkan latihan dalam kamar (*augment pupillage*).

Bagi maksud itu Lembaga Kelayakan Kelayakan Profesional Undang-Undang Malaysia ('Lembaga Kelayakan') juga telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi mengkaji butir-butir pelaksanaan CBC/ CBE dan antara perkara yang sedang dikaji adalah modul, kurikulum, manual kursus dan segala dokumentasi yang diperlukan untuk melaksanakan CBC/ CBE. Lembaga Kelayakan akan membuat pengumuman berkaitan dengan cadangan untuk memulakan CBC/ CBE pada masa yang sesuai.

Sekian, terima kasih.